



## SIARAN AKHBAR

### Perdana Menteri Lancar PlaTCOM

*PlaTCOM Ventures Sdn Bhd sedia satu platform dari konsep hingga komersialisasi*

**PUTRAJAYA, 23 APRIL 2014** – Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak hari ini melancarkan PlaTCOM Ventures Sdn Bhd menandakan kerjasama antara Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Entiti baru ini akan mempamerkan keupayaan inovasi di kalangan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dengan menangani jurang pasaran di pelbagai peringkat proses inovasi melalui pendekatan holistik dan didorong oleh permintaan pasaran.

Inisiatif yang berdasarkan perkongsian awam-swasta ini, adalah gabungan dua inisiatif negara, iaitu Peluang Perniagaan Inovasi (IBO) di bawah AIM dan Program Berimpak Tinggi 2, Platform Teknologi Pengkomersialan (TCP) Pelan Induk SME (2012-2020) di bawah SME Corp

Program ini dijangka akan meningkatkan bilangan firma-firma inovatif dan berprestasi tinggi sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 33 peratus kini ke 41 peratus pada tahun 2020.

Di majlis tersebut kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian kerjasama di mana SME Corp diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Hafsa Hashim dan AIM oleh Ketua Pegawai Eksekutif Mark Rozario. Pemeteraihan perjanjian itu telah disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Perjanjian tersebut adalah untuk memberikan kemudahan kerjasama di antara kedua pihak di dalam membentuk dan melaksanakan PlaTCOM Ventures yang bertujuan untuk menggalakan Inovasi di kalangan PKS dalam jangkamasa tiga tahun.

Di bawah perjanjian ini AIM akan bekerjasama dengan SME Corp dalam membentuk petunjuk prestasi utama (key performance indicators) dan memantau hasil dan pencapaian KPI secara berterusan untuk memastikan bahawa program ini boleh

diperhalusi lagi dan dipertingkatkan keberkesanannya ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

SME Corp akan menyediakan sokongan yang diperlukan dan dana permulaan di samping menjalankan pemantauan dan penilaian untuk memantau perkembangan bagi memastikan bahawa matlamat Pelan Induk SME tercapai. Ia juga akan melaksanakan 'capacity building' dan program latihan dengan AIM.

PlaTCOM Ventures adalah model unik ciptaan AIM, SME Corp dan Bank Dunia yang menggabungkan amalan terbaik daripada contoh-contoh yang berjaya seperti Isis Innovation of University of Oxford di United Kingdom.

Pemilik harta intelek (IP) dari kalangan ahli akademik dan industri serta usahawan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), akan mendapat manfaat daripada kemudahan yang disediakan oleh PlaTCOM Ventures dalam kemudahan proses dari permulaan konsep kepada pengkomersilan dan juga peringkat awal pembiayaan.

Ketua Pegawai Eksekutif AIM Mark Rozario berkata Malaysia mempunyai kekuatan sendiri dalam menghasilkan idea-idea dan penyelesaian-penyelesaian yang inovatif.

"Cabaran yang dihadapi selalunya adalah dalam mengenal pasti inovasi yang mempunyai nilai pasaran dan boleh dipasarkan. Untuk mencapai matlamat ini, apa yang diperlukan ialah hubungan baik di antara ahli akademik dan industri unruk memastikan keperluan kedua-dua pihak dapat dipenuhi, seterusnya meningkatkan pendapatan per kapita negara. Kita perlu melangkaui lebih daripada tahap R&D dan ke peringkat pengkomersialan seterusnya," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Hafsa Hashim berkata program ini berkait dengan landskap yang sedia ada.

"Kami mendapati bahawa PKS mempunyai penyebaran inovasi teknologi yang terhad kerana kurang penyertaan dalam sistem inovasi negara. Oleh itu, di bawah Pelan Induk PKS, kita sedang menangani isu ini dengan memberi segala sokongan yang diperlukan oleh pihak PKS, iaitu pembiayaan, khidmat nasihat, kepakaran teknikal, maklumat pasaran, kemudahan inkubasi, kemudahan ujian dan perkhidmatan lain yang berkaitan di bawah 'satu bumbung' supaya semua bantuan dapat disalurkan dengan mudah."

SME Corp akan berperanan mengawasi dan membuat penilaian untuk memastikan matlamat program ini akan dapat dicapai.

Untuk maklumat lanjut tentang PlaTCOM Ventures, sila layari [www.platcomventures.com](http://www.platcomventures.com)

---

## **Agenси Inovasi Malaysia**

Agensi Inovasi Malaysia (AIM), sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan melalui Akta Parlimen, diamanahkan untuk menjana kekayaan untuk negara menerusi ilmu pengetahuan, teknologi dan inovasi, serta menggalakkan pembangunan eko-sistem inovasi di Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020. Matlamat utama AIM adalah untuk:

- *Menghasilkan pendapatan tambahan untuk menyumbang kepada KDNK*
- *Mengadakan pekerjaan untuk tenaga-kerja di Malaysia*
- *Memberi inspirasi dan mengujudkan generasi baru usahawan inovatif*
- *Memudahkan evolusi syarikat-syarikat di Malaysia menjadi pesaing di peringkat global*

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.innovation.my](http://www.innovation.my)

## **SME Corporation Malaysia**

SME Corp. Malaysia adalah agensi penyelarasan pusat yang merangka keseluruhan polisi dan strategi untuk Pengusaha Kecil Sederhana (PKS) dan menyelaras perlaksanaan Program Pembangunan PKS di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan.

Ia juga bertindak sebagai rujukan utama untuk penyelidikan dan penyebaran maklumat berkenaan PKS di samping menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my).

**Untuk pertanyaan sila hubungi Unit Komunikasi Korporat:** Donald Cheong @ 019 6751318 [dонаld@innovation.my](mailto:donald@innovation.my) | Suzy Idris @ 03 8319 3116 [suzy@innovation.my](mailto:suzy@innovation.my) | Jasbir Kaur @ 019 675 7009 [jasbir@innovation.my](mailto:jasbir@innovation.my) | Haliza Ahmad @ 019 6757147 [haliza@innovation.my](mailto:haliza@innovation.my) | Masami Mustaza @ 012 6759036 [masami.mustaza@innovation.my](mailto:masami.mustaza@innovation.my)